

# KERATAN AKHBAR

---

TARIKH : 7 OKTOBER 2022  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 30

## Pemotongan OPEC lonjak semula harga minyak

### Pemotongan OPEC lonjak semula harga minyak

**Harga** minyak melonjak selepas Pertubuhan Negara Pengeluar Petroleum (OPEC) dan pakatan yang diterajui Russia mengumumkan pemotongan besar-besaran output.

Di Vienna, menteri dari 13 negara pakatan OPEC dan kumpulan 10 pengeksport diterajui Russia bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran sebanyak dua juta tong sehari bermula November.

Ia pemotongan terbesar sejak kemuncak pandemik COVID-19 pada 2020 dan keputusan diam-bil di sebalik kebimbangan ia boleh melonjakkan lagi inflasi dan menyebabkan bank pusat menaikkan lebih banyak kadar faedah.

Harga minyak merosot beberapa minggu kebelakangan ini ke paras sebelum perang di Ukraine berikutnya kebimbangan kelembapan global, namun melonjak beberapa hari lalu dengan jangkaan pengeluaran akan dikurangkan.

Kontrak minyak mentah antarabangsa utama, Brent, melonjak dua peratus susulan keputusan itu, sebelum berakhir pada AS\$93.37 satu tong, meningkat 1.7 peratus.

“Niaga hadapan dijangka meruskan rali dalam jangka terdekat dan sederhana, namun kebimbangan berterusan berhubung kemelesetan global dan kenaikan inflasi berkemungkinan mengehadkan kenaikan jangka panjang,” kata penganalisis firma pembrokeran antarabangsa ADSS, Srijan Katyal.

Penganalisis Swissquote, Ipek Ozkardeskaya, memberi amaran bahawa pemotongan besar-besaran boleh ‘memakan diri’ jika pelabur bimbang ia bakal melonjakkan lagi inflasi dan memaksa bank pusat untuk menaikkan kadar faedah terlalu tinggi sehingga boleh mencetuskan kemelesetan.

“Lebih tinggi harga tenaga, lebih besar bank pusat perlu bertindak untuk menyekat permintaan bagi menurunkan harga,” katanya sebelum keputusan itu diumumkan. **REUTERS**